



## PRIVACY AND PERSONAL DATA PROTECTION POLICY

This Privacy and Personal Data Protection Policy (“this Policy”) is issued to all immediate and/or prospective customers, suppliers, and employees of Sure-Reach Records Management Sdn Bhd and its subsidiaries (“Sure-Reach Group”) in compliance with the Personal Data Protection Act 2010 (“the Act”).

In accordance to Section 7(3) of the Act, this Policy is issued in both English and Bahasa Malaysia languages. In the event of any inconsistency or conflict, the English version shall prevail.

For the purposes of this Policy, please note that:

- “Sure-Reach” refers to Sure-Reach Records Management Sdn Bhd and all its related companies, as defined in Section 6 of the Companies Act 1965.
- “Personal information” refers to any information which relates directly or indirectly to you and/or your transactions with us. This information includes but not limited to your name, address, contact details, the type of products and/or services subscribed to and such other necessary information regarding yourself and your transaction(s) with us. For the avoidance of doubt, please note that this Policy is applicable only if you are an individual.

### 1. What Personal Data Do We Collect?

In the course of your dealings with Sure-Reach, we may request you to provide personal information such as your name, identity card/passport number, address, nationality, contact information, e-mail address, and other pertinent information to enable us to enter into commercial transactions with you, or to deliver the necessary notices, services and/or products in connection with our business.

### 2. How Do We Collect Your Personal Data?

Sure-Reach may have collected, recorded, used, disclosed and stored your personal information which could have been obtained from various sources, including but not limited to:

- a. Information provided in application forms and/or consignment notes when using our services, taking part in our surveys, or when submitting forms through any online or offline channel;
- b. Your verbal and written communications with us and/or our authorised agents;
- c. Information from third parties connected with you; and
- d. Information from other public sources which you have consented to be disclosed.

### 3. What Do We Use Your Personal Data for?

All personal data collected by Sure-Reach may be used for the following purposes (“the Purpose”):

- a. To enable delivery of notices and services and/or products;
- b. To upkeep our database and records;
- c. To prepare and execute all necessary documents and agreements and/or contracts;
- d. To perform credit assessments, financial and background investigation as and when deemed necessary;
- e. To meet any legal or regulatory requirements related to our provision of services; and
- f. To disclose your personal information to relevant parties.

#### **4. To Whom Do We Disclose Your Personal Data?**

Sure-Reach will not trade or sell your personal data to third parties. Your personal data shall only be disclosed or transferred to the following third parties who may be located within or outside Malaysia, strictly for the fulfilment of the Purposes as listed in point 3 above:

- a. Other Sure-Reach subsidiaries and any other parties and/or business partners that Sure-Reach contracts with;
- b. Other third parties as may be deemed necessary by Sure-Reach in order to process your commercial transactions and facilitate your dealings with us;
- c. Sure-Reach's auditors, consultants, lawyers, accountants or other financial or professional advisers appointed in connection with our business;
- d. Legal bodies as permitted or required by law to comply with a warrant or subpoena issued by a court of competent jurisdiction;
- e. Parties authorised by the you; and
- f. Any parties that Sure-Reach may think fit.

Sure-Reach shall take practical steps to ensure that all its employees, contractors and such other third parties mentioned above who are directly or indirectly involved in the collection, recording, use and disclosure of your personal data will observe and adhere strictly to the terms of this Policy.

#### **5. Rights of Access and Correction**

You may make a request to access, review, amend and correct your personal information by writing to:

**Sure-Reach Group**

**Personal Data Protection Unit**

No. 40, Jalan Penchala, 46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Tel: 03-7948 5000 Fax: 03-7783 3186

E-mail: [pdpa@sure-reach.com](mailto:pdpa@sure-reach.com)

Sure-Reach reserves the right to refuse with such request if the request is irrelevant to the business.

#### **6. How Long May We Retain Your Personal Data?**

The personal data collected will be retained by us for the duration permitted / required under Malaysian law, which may extend to periods after termination of contractual relationship with us. We will not retain your personal data longer than necessary for the fulfilment of the Purpose. Sure-Reach shall take all reasonable steps to ensure that all personal data is destroyed or permanently deleted when no longer required for the Purpose.

#### **7. Notification of Changes**

Please note that this Policy may be amended from time to time in accordance to applicable laws and regulations and such variations may be applicable to you. This Policy is not intended to, nor does it, create any contractual rights or obligations on Sure-Reach in respect of any other party or on behalf of any party. Sure-Reach will post all changes to this Policy in the website <http://www.sure-reach.com>.

## POLISI PRIVASI DAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Polisi Privasi dan Perlindungan Data Peribadi (“Polisi ini”) diisukan kepada semua pelanggan atau bakal pelanggan, pembekal, dan pekerja Kumpulan Sure-Reach Records Management Sdn Bhd (“Sure-Reach”) dengan mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta”).

Mengikut Seksyen 7(3) Akta berkenaan, Polisi ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Untuk keperluan Polisi ini, sila ambil perhatian bahawa:

- “Sure-Reach” merujuk kepada Sure-Reach Records Management Sdn Bhd dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 6 Akta Syarikat 1965.
- “Maklumat peribadi” merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada anda dan/atau transaksi anda dengan kami. Maklumat ini termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, alamat, butiran perhubungan, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang dilanggan dan apa-apa maklumat lain mengenai diri anda dan transaksi-transaksi anda dengan kami. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, sila ambil perhatian bahawa Polisi ini terpakai hanya jika anda merupakan seorang individu.

### 1. Apakah Data Peribadi Yang Kami Kumpul?

Dalam pengurusan anda dengan Sure-Reach, kami akan meminta anda untuk memberikan maklumat peribadi seperti nama, nombor kad pengenalan/nombor passport, alamat, kewarganegaraan, butiran perhubungan, alamat e-mel, dan maklumat penting yang lain yang membolehkan kami untuk mengurus niaga dengan anda atau untuk menyampaikan notis-notis yang berkaitan, perkhidmatan-perkhidmatan dan/atau produk-produk yang berkaitan dengan perniagaan kami.

### 2. Bagaimanakah Kami Mengumpul Data Peribadi Anda?

Sure-Reach akan mengumpulkan, merekodkan, menggunakan, mendedahkan dan menyimpan maklumat peribadi anda yang boleh didapati daripada pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) Maklumat yang diberikan di dalam borang-borang permohonan dan/atau nota konsinan apabila menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan kami, semasa mengambil bahagian dalam kaji selidik kami, atau apabila mengemukakan borang melalui mana-mana saluran dalam talian atau luar talian;
- b) Komunikasi lisan dan bertulis anda dengan kami dan/atau ejen yang telah diberikan kuasa oleh kami ;
- c) Maklumat daripada pihak ketiga yang berkaitan dengan anda; dan
- d) Maklumat daripada sumber-sumber awam, di mana anda telah memberikan kebenaran untuk mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan anda.

### 3. Bagaimanakah Kami Menggunakan Data Peribadi Anda?

Semua data peribadi yang di kumpul oleh Sure-Reach akan digunakan bagi tujuan-tujuan yang berikut (“Tujuan”):

- a) Untuk menyampaikan notis penghantaran dan perkhidmatan dan/atau produk;
- b) Untuk mengekalkan pangkalan data dan rekod pelanggan;

- c) Untuk menyediakan dan melaksanakan semua dokumen dan perjanjian dan/atau kontrak yang berkaitan;
- d) Untuk melaksanakan penilaian kredit, penyiapan kewangan dan latar belakang apabila dianggap perlu;
- e) Untuk memenuhi apa-apa kehendak undang-undang atau peraturan yang berkaitan dengan peruntukan perkhidmatan-perkhidmatan kami; dan
- f) Untuk mendedahkan maklumat peribadi anda kepada pihak yang berkenaan.

#### **4. Kepada Siapa Kami Dedahkan Data Peribadi Anda?**

Sure-Reach tidak akan mendagangkan atau menjual maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga. Maklumat peribadi anda hanya akan didedahkan atau dipindahkan kepada pihak-pihak berikut yang mungkin berada di dalam atau di luar Malaysia untuk memenuhi Tujuan tersebut:

- a) Lain-lain anak syarikat Sure-Reach dan mana-mana pihak lain dan/atau rakan kongsi perniagaan Sure-Reach;
- b) Pihak ketiga yang lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Sure-Reach untuk memproses transaksi komersial dan memudahkan urusan anda dengan kami;
- c) Juruaudit, perunding, peguam, akauntan atau penasihat kewangan atau profesional yang dilantik berhubung dengan perniagaan Sure-Reach;
- d) Badan berkanun yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang sebagai mematuhi waran atau sepina yang dikeluarkan oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa;
- e) Pihak-pihak yang diberi kuasa oleh individu; dan
- f) Mana-mana pihak yang Sure-Reach fikir ia bersesuaian.

Sure-Reach akan mengambil langkah-langkah praktikal untuk memastikan bahawa semua pekerja, kontraktor dan mana-mana pihak ketiga lain yang tersebut di atas yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam mengumpul, merekodkan, menggunakan dan mendedahkan data peribadi anda akan mematuhi sepenuhnya syarat-syarat Polisi ini.

#### **5. Hak Mengakses dan Pembetulan Data**

Anda boleh membuat permintaan untuk mengakses, mengkaji semula, meminda dan membetulkan maklumat peribadi anda dengan menulis kepada:

**Kumpulan Sure-Reach**

**Unit Perlindungan Data Peribadi**

No. 40, Jalan Penchala, 46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Tel: 03-7948 5000 Faks: 03-7783 3186

E-mel: [pdpa@sure-reach.com](mailto:pdpa@sure-reach.com)

Sure-Reach berhak untuk tidak melayan sebarang permintaan yang tidak berkaitan dengan urusan perniagaan.

#### **6. Berapa Lamakah Kami Boleh Menyimpan Data Peribadi Anda?**

Data peribadi yang dikumpulkan akan disimpan oleh kami untuk jangka masa yang dibenarkan/diperlukan di bawah undang-undang Malaysia. Ini termasuk penyimpanan sehingga tempoh selepas penamatan hubungan kontrak dengan kami. Kami tidak akan menyimpan data peribadi anda melebihi masa yang diperlukan untuk memenuhi Tujuan tersebut. Sure-Reach akan

mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa semua data peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal apabila tidak lagi diperlukan untuk Tujuan tersebut.

## **7. Pemberitahuan Perubahan**

Sila ambil perhatian bahawa Polisi ini boleh dipinda dari semasa ke semasa selaras dengan undang-undang dan peraturan dan apa-apa perubahan yang berkaitan dengan anda. Polisi ini tidak bertujuan untuk mewujudkan apa-apa hak kontrak, atau tanggungjawab pada Sure-Reach bagi menghormati mana-mana pihak atau mewakili mana-mana pihak. Sure-Reach akan menerbitkan semua perubahan bagi Polisi ini di laman web [www.sure-reach.com](http://www.sure-reach.com).